

06/09/1997

BHEC bebas pilih kontraktor utama baru

Kadir Dikoh; Johnny Giles Senin

KERAJAAN tidak akan campur tangan dalam proses pemilihan kontraktor utama baru melaksanakan projek empangan hidro elektrik Bakun menggantikan konsortium Asea Brown Boveri dan Companhia Brasileira Projectos O Obras (ABB-CBPO).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, berkata keputusan untuk tidak campur tangan dalam urusan itu diambil kerana empangan Bakun yang bernilai RM13.6 bilion, ialah projek penswastaan.

Sehubungan itu katanya, semua urusan untuk menentukan kontraktor utama projek Bakun menggantikan ABB-CBPO yang digugurkan kelmarin itu akan diserahkan kepada Bakun Hydro Electric Corporation Bhd (BHEC).

Katanya, Ekran Bhd (Ekran) sebagai pemegang ekuiti tunggal terbesar dalam BHEC akan memutuskan siapa bakal mengambil alih tempat konsortium yang digugurkan itu.

"BHEC akan membuat keputusan dan ia adalah hak mereka untuk membuat pilihan nanti. Kerajaan tidak akan terbabit dalam pemilihan itu," katanya selepas menyaksikan upacara memeterai perjanjian antara syarikat tempatan dan Jerman bagi pembelian saluran paip getah beralun di Petaling Jaya semalam.

Kelmarin, BHEC mengumumkan pengguguran ABB-CBPO sebagai kontraktor utama projek Bakun berikutan rundingan untuk menyelesaikan rasa tidak puas hati antara kedua-dua pihak menemui jalan buntu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lewat kelmarin pula berkata, beberapa projek mega termasuk Bakun akan ditangguhkan bagi tempoh tertentu sehingga nilai ringgit pulih.

Moggie ketika diminta mengulas lebih lanjut berkata, buat masa sekarang kedudukan projek Bakun bukan dibatal tetapi mungkin ditangguhkan.

"Maknanya projek ini akan dilaksanakan kemudian dan saya tidak dapat mengatakan berapa lama dan sejauh mana segala masalah dapat diselesaikan," katanya.

Mengenai khabar angin bahawa tidak semua pemegang saham dalam BHEC bersetuju terhadap tindakan menggugurkan kontraktor utama itu dan kemungkinan keputusan itu dibuat sendirian oleh Ekran, beliau berkata:

"Ini kena tanya lembaga pengarah BHEC. Begitu pun, Ting (Tan Sri Ting Pek Khiing) selaku pengerusi Eksekutif BHEC sudah mengemukakan notis kepada saya mengenai pengguguran (ABB/CBPO) itu dan ia dianggap sebagai pandangan rasmi konsortium. Oleh itu, dia (Ting) tidak perlu memberi taklimat lanjut".

(END)